

30 JAN 2002

MAHATHIR TONTON PERSEMBAHAN ORKESTRA KOLEJ YAYASAN SAAD

KUALA LUMPUR 30 Jan (Bernama) --Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyaksikan persembahan Orkestra Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM) di Istana Budaya, Jalan Tun Razak di sini.

Perdana Menteri, yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, dihiburkan dengan persembahan lagu-lagu ciptaan seniman agung allahyarham Tan Sri P.Ramlee serta lagu-lagu evergreen Inggeris, Mandarin dan lagu popular Bollywood.

Orkestra itu turut mempersembahkan sebuah lagu khas untuk Dr Mahathir iaitu "Di Manakan Ku Cari Ganti" dan lagu "Serenade" dan "Comeback To Sorento" kepada Dr Siti Hasmah.

Persembahan Orkestra KYSM bertujuan memberi peluang kepada pelajar kolej itu menunjukkan kemahiran dan keterampilan dalam persembahan muzikal dan nyanyian.

Orkestra KYSM dianggotai oleh 84 pemuzik terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Orkestra itu, yang melakukan persembahan sulungnya pada 20 Nov 1998, telah mengadakan 14 persembahan di seluruh negara termasuk acara rasmi kerajaan.

KYSM ditubuhkan sebagai sekolah menengah swasta berasrama penuh pada 1995 oleh Yayasan Saad yang diasaskan tokoh korporat Tan Sri Halim Saad.

-- BERNAMA

HS LIB NAK